

**Kenapa Interpol tidak cari 2 orang kanan SRC, soal DAP
Malaysian Insider
Oct 29, 2015
Oleh Muzliza Mustafa**

DAP hari ini mendakwa pihak berkuasa tidak bersungguh dalam usaha menjejak 2 eksekutif kanan SRC International Sdn Bhd (SRC International) bagi membantu siasatan terhadap kes membabitkan anak syarikat 1Malaysia Development Berhad (1MDB) itu.

Setiausaha Publisiti Kebangsaan DAP Tony Pua berkata, Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) sedang mencari pengarah urusan SRC International Nik Faisal Ariff Kamil dan pengarah Datuk Suboh Md Yasin, maka sepatutnya mereka diletakkan dalam senarai orang dikehendaki Interpol.

Kedua-duanya dikatakan tidak dapat dikesan pada Julai selepas SPRM mula menyiasat syarikat itu.

SPRM juga sedang menunggu untuk merekodkan kenyataan ahli perniagaan Low Taek Jho, yang lebih dikenali sebagai Jho Low.

Mereka bertiga sedang dijejaki pihak berkuasa bagi membantu siasatan yang sedang berjalan ke atas wang RM42 juta yang disalurkan ke dalam akaun bank Perdana Menteri Datuk Seri Najib Razak.

Mengulas perkara sama, Ahli Parlimen Kulai Teo Nie Ching berkata, tidak masuk akal untuk Najib, dalam jawapan bertulis di Parlimen pada 21 Oktober, mengatakan Nik Faisal dan Suboh sedang menyiapkan diri untuk disoal SPRM secepat mungkin bagi membantu dalam siasatan.

"Persiapan apa yang mengambil masa lebih 3 bulan?" soal Teo.

Beliau berkata, menjadi perkara biasa bagi penjenayah dan pesalah melarikan diri daripada siasatan dan mendesak kedua-dua Nik Faisal dan Suboh tampil ke depan jika tiada apa yang hendak disembunyikan.

Teo berkata, beliau terkejut dengan kelonggaran yang ditunjukkan Kementerian Kewangan terhadap mereka berdua.

"Najib perlu mengarahkan Nik Faisal dan Suboh untuk memberi keterangan.

"Jika mereka enggan, sekurang-kurangnya tarik balik jawatan pengarah mereka. Jika tidak, ia hanya bermaksud kegagalan 2 orang SRC itu memberikan kerjasama adalah dipersetujui dan dibenarkan Najib," katanya. – 29 Oktober, 2015.

Copyright © 2015 Edge Insider Sdn Bhd

Source:

<http://www.themalaysianinsider.com/bahasa/article/kenapa-interpol-tidak-cari-2-orang-kanan-src-soal-dap>